

**Embargo:** Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai **jam 1200, Rabu, 20 Mac 2024**



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

### **MENELUSURI STATISTIK SOSIAL MALAYSIA (MSSM) EDISI 2023**

---

**Urbanisasi meningkat kepada 75.1 peratus membawa kepada peningkatan kualiti hidup dan jangka hayat penduduk Malaysia**

**PUTRAJAYA, 20 Mac 2024** – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan laporan **Menelusuri Statistik Sosial Malaysia (MSSM) Edisi 2023**. Laporan ini merupakan edisi kedua diterbitkan oleh DOSM yang memaparkan senario sosial negara seawal tahun 1970 hingga 2023. Penerbitan kali ini memberi fokus kepada 11 topik merangkumi penduduk dan demografi (1970 – 2023); indeks harga pengguna (2022); guna tenaga (2010 – 2022); kesihatan (2010 – 2022); pengangkutan (2010 – 2022); pendapatan dan perbelanjaan isi rumah (2022); internet dan media sosial (2018 – 2022); alam sekitar (2017 – 2022); pelancongan (1991 – 2022); Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) (2022) dan Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (MHI) (2021).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Urbanisasi meningkat kepada 75.1 peratus membawa kepada peningkatan kualiti hidup dan jangka hayat penduduk Malaysia. Laporan ini boleh dijadikan tanda aras dalam mendepani persekitaran sosioekonomi yang kian mencabar. Statistik siri masa Kependudukan, Jangka Hayat, Urbanisasi, Guna Tenaga, Gaji & Upah dan Kesihatan dirangkumkan dalam satu penerbitan. Keperluan terhadap statistik sosial yang komprehensif amat diperlukan oleh pihak kerajaan dalam merangka pembangunan holistik ke arah mencapai kesejahteraan sejagat”.

Dari segi **kependudukan**, penduduk Malaysia pada tahun 1970 ialah seramai 10.4 juta, meningkat kepada 27.5 juta pada tahun 2010. Berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan

**Embargo:** Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai **jam 1200, Rabu, 20 Mac 2024**

Malaysia 2020, bilangan penduduk direkodkan seramai 32.4 juta iaitu peningkatan tiga kali ganda berbanding 10.4 juta pada tahun 1970. Walau bagaimanapun, pertumbuhan penduduk pada tahun 2020 adalah lebih perlahan dengan kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 1.7 peratus berbanding 3.9 peratus pada tahun 1970. Berdasarkan anggaran penduduk semasa pada tahun 2023, penduduk Malaysia dianggarkan seramai 33.4 juta dengan kadar pertumbuhan 2.1 peratus. Transisi demografi Malaysia ini dipengaruhi oleh empat faktor yang memberikan kesan kepada pertumbuhan penduduk serta perubahan populasi di Malaysia sejak tahun 1970 hingga 2040 iaitu kadar kesuburan, kadar kematian (jangka hayat), struktur umur (agihan di antara umur muda dan tua) serta migrasi.

**Jangka hayat** bagi seorang bayi yang lahir pada tahun 1970 secara purata dijangka hidup sehingga 63.6 tahun dan meningkat kepada 74.8 tahun bagi bayi yang baru lahir pada tahun 2023. Di Malaysia, peningkatan purata jangkaan hayat disumbangkan oleh faktor positif sosioekonomi seperti peningkatan taraf pendidikan, pekerjaan, tahap penjagaan kesihatan dan penurunan kadar kematian. Bagi perbandingan antara jantina, secara puratanya, bayi perempuan dijangka hidup lebih lama berbanding bayi lelaki dengan peningkatan jangkaan hayat 11.8 tahun berbanding lelaki 10.9 tahun bagi tempoh tahun 1970 sehingga 2023. Ini bermakna, seorang bayi perempuan yang baru lahir pada tahun 2023 secara purata dijangka boleh hidup sehingga 77.4 tahun, manakala bayi lelaki dijangka boleh hidup sehingga 72.5 tahun.

**Urbanisasi** telah meningkatkan kualiti hidup dan seterusnya peningkatan jangkaan hayat. Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang membangun mengalami proses perbandaran yang pesat dalam tempoh tiga dekad yang lalu. Penduduk bandar di Malaysia hanya 28.4 peratus pada tahun 1970, meningkat kepada 50.7 peratus pada tahun 1991 dan mencecah 75.1 peratus pada tahun 2020.

Melihat kepada **guna tenaga**, bilangan tenaga buruh di Malaysia merekodkan peningkatan purata 2.7 peratus setahun daripada 12.3 juta orang pada tahun 2010 kepada 16.0 juta orang pada tahun 2022. Selaras dengan pertambahan penduduk tahunan yang meningkat dalam jajaran 2.0 peratus atau sekitar 300 ribu orang setahun bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019,

**Embargo:** Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai **jam 1200, Rabu, 20 Mac 2024**

bilangan tenaga buruh meningkat dengan kadar yang lebih perlahan iaitu 0.6 peratus pada tahun 2020 dan 0.8 peratus pada tahun 2021. Selaras dengan prestasi aktiviti ekonomi dan sosial negara yang lebih baik, bilangan tenaga buruh meningkat sebanyak 1.4 peratus pada tahun 2022.

Peratus penduduk bekerja pada tahun 2010 ialah 61.6 peratus dan meningkat kepada 65.3 peratus pada tahun 2020. Penduduk bekerja meningkat kepada 65.4 peratus pada tahun 2021 dan 66.5 peratus pada tahun 2022. Penduduk bekerja dalam sektor Perkhidmatan semakin berkembang daripada 59.1 peratus pada tahun 2010 kepada 65.0 peratus pada tahun 2022. Berbeza dengan sektor Pertanian yang semakin mengecil kepada 10.0 peratus berbanding 13.6 peratus pada tahun 2010.

Kesemua sektor ekonomi menunjukkan peningkatan **gaji & upah** bulanan purata dan penengah dari tahun 2010 hingga 2019. Seiring dengan senario pasaran buruh yang mencabar pada tahun 2020, gaji & upah bulanan menyusut di semua sektor. Penengah gaji & upah bulanan merekodkan pengurangan antara julat negatif 15.7 peratus hingga negatif 14.3 peratus, kecuali sektor Pembuatan yang menyusut pada kadar 3.0 peratus pada tahun 2020. Semua sektor kembali mencatatkan peningkatan yang signifikan pada tahun 2021 kecuali sektor pembinaan yang mengalami penurunan sebanyak 4.0 peratus. Namun, kesemua sektor merekodkan pertumbuhan positif pada tahun 2022 dengan sektor Pembuatan mencatat pertumbuhan tertinggi sebanyak 11.6 peratus dan sektor Pertanian mencatat pertumbuhan terendah sebanyak 0.9 peratus. Sementara itu, purata gaji & upah bulanan bagi semua sektor pada tahun 2022 meningkat berbanding tahun 2021 iaitu Pertanian (8.5%), Pembinaan (8.0%), Pembuatan (7.9%), Perkhidmatan (5.0%) dan Perlombongan & pengkuarian (4.1%).

Dalam bidang **kesihatan**, bilangan hospital kerajaan menunjukkan trend peningkatan dari tahun 2010 hingga 2022, iaitu 131 buah kepada 160 buah hospital, manakala bilangan hospital swasta meningkat sedikit kepada 257 buah daripada 254 buah hospital pada tahun 2010. Begitu juga, bilangan klinik kerajaan meningkat sebanyak 340 klinik, iaitu kepada 3,122 klinik pada tahun 2022 berbanding 2,782 klinik pada tahun 2010, manakala klinik swasta pula meningkat kepada 13,352 klinik pada tahun 2022 berbanding 7,954 klinik pada tahun 2010, iaitu pertambahan

**Embargo:** Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai **jam 1200, Rabu, 20 Mac 2024**

sebanyak 5,398 klinik. Nisbah doktor kepada penduduk di Malaysia bertambah baik dalam tempoh tahun 2010 sehingga 2022 daripada 1:859 pada tahun 2010 kepada 1:412 pada tahun 2022.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mengulas, "Nisbah doktor kepada penduduk di Malaysia pada tahun 2019 sehingga 2022 telah bertambah baik berbanding piawai Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), iaitu 1:500 (1 doktor kepada 500 penduduk) dan sasaran nisbah 1:500 yang disasarkan dalam Pelan Strategik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) 2016-2020 juga telah tercapai. Nisbah doktor kepada penduduk yang bertambah baik mencerminkan kualiti perkhidmatan kesihatan di Malaysia".

Justeru, sebagai penjana statistik rasmi negara, adalah amat bertepatan DOSM mengambil inisiatif mengeluarkan laporan ini yang menyediakan maklumat komprehensif mengenai senario sosial semasa bagi memudahkan perancangan dasar strategik untuk menangani isu sosial dan ekonomi secara berkesan. Laporan ini juga memberi manfaat kepada kerajaan dalam menambahbaik tadbir urus dan keperluan sosioekonomi rakyat bagi pembangunan inklusif serta memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dengan menitikberatkan kesejahteraan rakyat.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian".

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan".

Pangkalan Data Utama (PADU) telah dilancarkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Matlamat

**Embargo:** Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai **jam 1200, Rabu, 20 Mac 2024**

utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercicir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Sila layari <https://www.padu.gov.my> bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau menghubungi talian hotline berikut:

- i. Jabatan Perangkaan Malaysia: 1-800-88-7720/ 1-800-88-7721
- ii. Pertanyaan secara online melalui SISPAA: <https://padu.spab.gov.my>

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**  
**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**  
**20 MAC 2024**

**Embargo:** Only to be published or disseminated at **1200 hour, Wednesday, 20<sup>th</sup> March 2024**



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT**  
**MALAYSIA SOCIAL STATISTICS REVIEW (MSSR) 2023 EDITION**

---

***Urbanisation increased to 75.1 per cent leading to improve quality of life  
and life expectancy of the Malaysia's population***

**PUTRAJAYA, 20<sup>th</sup> March 2024** – Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) has published a report of **Malaysia Social Statistics Review (MSSR) 2023 Edition**. This report is the second edition published by DOSM which presents the country's social scenario as early as 1970 up to 2023. This publication focuses on 11 topics which encompass population and demography (1970 – 2023); consumer price index (2022); employment (2010 – 2022); health (2010 – 2022); transport (2010 – 2022); household income and expenditure (2022); internet and social media (2018 – 2022); environment (2017 – 2022); tourism (1991 – 2022); Sustainable Development Goals (SDG) (2022) and the Malaysia Happiness Index (MHI) (2021).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “Urbanisation increased to 75.1 per cent leading to improve quality of life and life expectancy of the Malaysia's population. This report can be used as a benchmark in facing an increasingly challenging environment. Time series statistics of Population, Life Expectancy, Urbanisation, Employment, Salaries & Wages and Health are summarised in one publication. There is a need for comprehensive social statistics as it is essential for the government to formulate holistic development towards achieving universal well-being”.

In terms of **population**, the population of Malaysia in 1970 were 10.4 million, increased to 27.5 million in 2010. Based on the Malaysia Population and Housing Census 2020, the total

**Embargo:** Only to be published or disseminated at **1200 hour, Wednesday, 20<sup>th</sup> March 2024**

population was recorded at 32.4 million, which is a threefold increase as compared to 10.4 million in 1970. However, population growth in 2020 is slower with an average annual growth rate of 1.7 per cent as compared to 3.9 per cent in 1970. Based on current population estimates in 2023, the population of Malaysia is estimated at 33.4 million with a growth rate 2.1 per cent. Malaysia's demographic transition is influenced by four factors that affect population growth and population change in Malaysia since 1970 to 2040, namely fertility rate, death rate (life expectancy), age structure (distribution between young and old age) and migration.

The **life expectancy** for a baby born in 1970 is expected to live up to 63.6 years on average and increased to 74.8 years for a newborn baby in 2023. In Malaysia, the increase in average life expectancy is contributed by positive socioeconomic factors such as increased in level of education, employment, health care and decreased in mortality. For the comparison between sex, on average baby girls are expected to live longer than baby boys with an increase in life expectancy of 11.8 years as compared to 10.9 years for boys for the period from 1970 to 2023. This means, a baby girl born in 2023 on average is expected to be able to live up to 77.4 years, while baby boys are expected to live up to 72.5 years.

**Urbanisation** has improved the quality of life and subsequently increased life expectancy. As a developing country, Malaysia has experienced a rapid urbanisation process in the past three decades. Urban population in Malaysia was only 28.4 per cent in 1970, increased to 50.7 per cent in 1991 and reached 75.1 per cent in 2020.

Looking at **employment**, the number of labour force in Malaysia recorded an average increase of 2.7 per cent per year from 12.3 million persons in 2010 to 16.0 million persons in 2022. In line with the annual population increase in the range of 2.0 per cent or around 300 thousand persons per year for the period 2017 to 2019, the number of labour force increased at a slower rate of 0.6 per cent in 2020 and 0.8 per cent in 2021. In line with better performance of the country's economic and social activities, the number of labour force increased 1.4 per cent in 2022.

The percentage of the employed person in 2010 was 61.6 per cent and increased to 65.3 per cent in 2020. The employed person increases to 65.4 per cent in 2021 and

**Embargo:** Only to be published or disseminated at **1200 hour, Wednesday, 20<sup>th</sup> March 2024**

66.5 per cent in 2022. The employed person in the Services sector grew from 59.1 per cent in 2010 to 65.0 per cent in 2022. In contrast to the Agriculture sector that declined to 10.0 per cent as compared to 13.6 per cent in 2010.

All economic sectors showed an increase in mean and median monthly **salaries & wages** from 2010 to 2019. In tandem with the challenging labour market scenario in 2020, monthly salaries & wages shrank in all sectors. Median monthly salaries & wages recorded a decrease ranging from negative 15.7 per cent to negative 14.3 per cent, except for the Manufacturing sector which decrease at a rate of 3.0 per cent in 2020. All sectors recorded a significant increase in 2021 except for the Construction sector which experienced a decrease of 4.0 per cent. However, all sectors recorded positive growth in 2022 with Manufacturing sector recording the highest growth of 11.6 per cent and the Agriculture sector recording the lowest growth of 0.9 per cent. Meanwhile, the mean monthly salaries & wages for all sectors in 2022 increased as compared to 2021, namely Agriculture (8.5%), Construction (8.0%), Manufacturing (7.9%), Services (5.0%) and Mining & quarrying (4.1%).

In the field of **health**, the number of government hospitals showed an increasing trend from 2010 to 2022, from 131 to 160 hospitals, while the number of private hospitals increased slightly to 257 from 254 hospitals in 2010. Similarly, the number of government clinics increased by 340 clinics to 3,122 clinics in 2022 as compared to 2,782 clinics in 2010, while private clinics increased to 13,352 clinics in 2022 as compared to 7,954 clinics in 2010, an increase of 5,398 clinics. The doctors-to-population ratio in Malaysia improved during the period from 2010 to 2022 from 1:859 in 2010 to 1:412 in 2022.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin elaborated, "The doctors-to-population ratio in Malaysia for the year 2019 until 2022 has improved as compared to the standard of the World Health Organization (WHO), which is 1:500 (1 doctor to 500 population) and the target of 1:500 which is targeted in The Ministry of Health (MoH) Strategic Plan 2016-2020 has also been achieved. The improved ratio of doctors-to-population reflects the quality of health services in Malaysia". Thus, as the official national statistics producer it is very timely for DOSM to take the initiative to produce this report that provides comprehensive information on the current social scenario as it

**Embargo:** Only to be published or disseminated at **1200 hour, Wednesday, 20<sup>th</sup> March 2024**

*facilitates strategic policy planning that effectively address the social and economic issues. This report also benefits the government in improving governance and the socioeconomic needs of the people for inclusive development as well as ensuring sustainable economic growth by focusing on the well-being of the people.*

*DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*

*DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development".*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20<sup>th</sup> each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".*

*The Central Database (PADU) was launched on 2<sup>nd</sup> January 2024. PADU contains individual and household profiles covering citizens and permanent residents of Malaysia. The main goal of PADU is to ensure that Malaysians are not left behind from citizen centric initiatives implemented by the Government. Your kind cooperation is requested to register and update PADU by 31<sup>st</sup> March 2024. Please visit <https://www.padu.gov.my> for more information related to PADU or contact the following hotlines:*

- i. Department of Statistics Malaysia: 1-800-88-7720/ 1-800-88-7721*
- ii. Online enquiries through SISPA: <https://padu.spab.gov.my>*

*Released by:*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**  
**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**  
**20<sup>th</sup> MARCH 2024**